

KKLW lulus peruntukan RM1.5 juta baik pulih jeti

OLEH JAINUDIN DJIMIN
(jainudin@newsabahtimes.com.my)

LABUAN: Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW) memluluskan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi membaik pulih dan menaik taraf laluan jeti di tiga buah kampung air membabitkan kampung Bebuluh Laut, Patau-Patau dan juga Ranca-Ranca Laut.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan perkara itu ketika berucap Merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Labuan, di Palm Beach Resort and Spa Manikar, dekat sini pada Ahad.


Bagaimana pun katanya, keutamaan diberikan kepada dua kampung air di Bebuluh

dan juga Patau-Patau, manakala bagi kampung Ranca-Ranca Laut yang penduduknya dalam proses pemindahan akan ditentukan mengikut keperluan dan kesesuaian jeti yang perlu dibaik pulih.

Peruntukan tersebut bagi menggantikan jeti kayu yang sudah usang kepada konkrit (simen) dan ia sekaligus akan menyelesaikan masalah nelayan dan penduduk kampung yang menjadikan jeti berkenaan sebagai penghubung laluan utama untuk mencari sumber rezeki.

Beliau berkata, peruntukan tersebut sudah pun diluluskan dan kerja-kerja membaik pulih akan dilaksanakan dalam waktu terdekat.

Ismail yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno turut meluluskan peruntukan untuk



TINJAU... Ismail (empat dari kiri) bersama Rozman (tiga kiri), Khalidin (dua kiri) dan Chemat (empat dari kanan) ketika meninjau keadaan jeti dan perkampungan air Kampung Bebuluh Laut pagi kelmarin.

menaik taraf Pusat Giat Mara Labuan dengan menambah bilangan kursus yang berkaitan minyak dan gas.

"Kita mahu Pusat Giat Mara di Labuan dinaiktaraf bagi membolehkan kursus kursus yang berkaitan minyak dan gas dapat diadakan sesuai dengan status Labuan sebagai hab industri minyak dan gas," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, Ismail yang diiringi oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli turun padang untuk meninjau keadaan jeti Kampung Bebuluh Laut pagi kelmarin.

Turut sama, Ketua Kampung Bebuluh, Haji Khalidin Matali dan Ketua Cawangan Umno Kampung Bebuluh Laut Haji Chemat Haji Mustapha.

Terdahulu, Haji Khalidin ketika menyampaikan taklimat ringkas sempena lawatan itu berkata, kira-kira 1,000 meter jeti yang menjadi penghubung laluan penduduk kampung di kawasan itu perlu di baik pulih.

Beliau turut merakamkan terima kasih kepada Ismail yang meluluskan peruntukan tersebut sekaligus akan menyelesaikan masalah penduduk kampung selama ini.